Bilangan pekerja dalam Kumpulan dan Syarikat, masing-masing pada penghujung tahun kewangan semasa adalah 625 dan 153 (2008: 593 dan 18).

Penyata kewangan telah dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi pengarah pada 29 Mei 2009.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut konvensyen kos asal, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam dasar perakaunan. Penyata kewangan ini mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Standard Pelaporan Kewangan (FRS) yang berkuat kuasa di Malaysia.

Pada awal tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai FRS baru dan disemak semula serta pindaan kepada FRS seperti yang didedahkan dalam Nota 2.22 kepada penyata kewangan.

Penyata kewangan bagi Kumpulan juga mematuhi Akta dan Peraturan Insurans, 1996, Akta Takaful, 1984 dan Garis Panduan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh BNM dan dimana sesuai, diubah suai untuk mematuhi prinsip Syariah.

Aset dan liabiliti perniagaan insurans semula am berkait dengan kedua-dua perniagaan insurans semula am dan dana pemegang saham.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan nilainya dibulatkan ke ribu (RM'000) yang terdekat melainkan diisyaratkan sebaliknya.

2.2 Tempoh Perakaunan

Untuk perniagaan insurans semula am, Kumpulan menerima pakai tempoh perakaunan suku tahun berakhir 31 Mac, 30 Jun, 30 September dan 31 Disember, setakat yang berkaitan dengan pendapatan dan pengeluaran pengunderaitan bagi perniagaan Sisen Pasaran. Ini adalah agar selaras dengan tempoh perakaunan syarikat mengesid.

Pendapatan dan pengeluaran pengunderaitan yang berkaitan dengan kelas perniagaan lain dan kesemua pendapatan dan perbelanjaan adalah bagi 12 bulan yang berakhir pada 31 Mac 2009.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Anak-anak Syarikat dan Asas Penyatuan

(i) Anak-anak Syarikat

Anak-anak syarikat adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi untuk memperoleh manfaat daripada aktivitiinya.

Dalam penyata kewangan Syarikat yang berasingan, pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan pada kos tolak kerugian kemerosotan nilai. Apabila pelaburan sedemikian dijual, perbezaan antara kutipan jualan bersih dan jumlah bawanya dimasukkan ke dalam penyata pendapatan.

(ii) Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Syarikat dan anak-anak syarikatnya pada tarikh lembaran imbangan. Penyata kewangan anak-anak syarikat disediakan dengan tarikh laporan yang sama seperti Syarikat.

Anak-anak syarikat disatukan dari tarikh pengambilalihan yang merupakan tarikh di mana Kumpulan memperolehi kuasa, dan terus disatukan sehingga tarikh kuasa tersebut tidak lagi dimiliki. Dalam menyediakan penyata kewangan yang disatukan, baki, urusaniaga dan keuntungan atau kerugian tidak direalisasi dalam kumpulan dihapuskan sepenuhnya. Dasar perakaunan yang seragam diterima pakai dalam penyata kewangan yang disatukan bagi urusaniaga dan peristiwa yang terjadi dalam keadaan yang serupa.

Pengambilalihan anak-anak syarikat diambil kira menggunakan kaedah pembelian. Kaedah pembelian perakaunan melibatkan peruntukan kos pengambilalihan kepada nilai saksama aset dan liabiliti yang diambil alih serta liabiliti luar jangka yang diambil pada tarikh pengambilalihan. Kos pengambilalihan diukur sebagai jumlah agregat nilai saksama, pada tarikh pertukaran, bagi aset yang diberi, liabiliti yang ditanggung atau diambil, dan instrumen ekuiti yang diterbit, ditambah dengan sebarang kos berkaitan pengambilalihan tersebut secara langsung.

Sebarang lebihan kos pengambilalihan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka bersih yang dikenal pasti adalah mewakili muhibah. Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih bagi aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang dikenal pasti ke atas kos pengambilalihan diiktiraf dengan serta merta dalam penyata pendapatan.

Kepentingan minoriti mewakili bahagian keuntungan atau kerugian dan aset-aset bersih anak-anak syarikat yang tidak dipegang oleh Kumpulan. Ia diukur pada bahagian minoriti bagi nilai saksama aset dan liabiliti anak-anak syarikat yang dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti bagi perubahan dalam ekuiti anak-anak syarikat sejak itu.

(iii) Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara dan ia bukan sebuah anak syarikat dan tidak mempunyai kepentingan dalam sesebuah usahasama. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan operasi penerima pelabur tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar ini.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan di dalam syarikat bersekutu dibawa di dalam lembaran imbangan yang disatukan pada kos diselaraskan dengan perubahan selepas pengambilalihan dalam bahagian Kumpulan tolak aset bersih syarikat bersekutu. Bahagian Kumpulan bagi keuntungan atau kerugian bersih syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan disatukan. Jika berlaku perubahan yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti syarikat bersekutu, Kumpulan mengiktiraf bahagiannya bagi perubahan sedemikian.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.3 Anak-anak Syarikat dan Asas Penyatuan (samb.)

(iii) Syarikat Bersekutu (samb.)

Dalam mengaplikasi kaedah ekuiti, keuntungan dan kerugian yang tidak direalisasi ke atas urusan antara Kumpulan dan syarikat bersekutu dihapuskan sehingga kepada kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkenaan. Selepas aplikasi kaedah ekuiti, Kumpulan mempertimbangkan sama ada perlu atau tidak untuk mengiktiraf sebarang kerugian kemerosotan nilai tambahan berhubung pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu. Syarikat bersekutu tersebut diambil kira daripada segi ekuiti dari tarikh Kumpulan mendapat pengaruh ketara sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh ketara ke atas syarikat bersekutu.

Muhibah berkaitan sebuah syarikat bersekutu termasuk jumlah bawa pelaburan dan tidak dirosot nilai. Sebarang lebihan bahagian nilai saksama bersih Kumpulan bagi aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka syarikat bersekutu yang dikenal pasti ke atas kos pelaburan, dikecualikan daripada jumlah bawa pelaburan dan sebaliknya, dimasukkan sebagai pendapatan dalam penentuan bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu sepanjang tempoh di mana pelaburan tersebut diperoleh.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam sebuah syarikat bersekutu adalah sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu tersebut, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang, daripada segi sifatnya, membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia telah menanggung obligasi atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Penyata kewangan beraudit terkini bagi syarikat bersekutu yang boleh didapati, akan digunakan oleh Kumpulan dalam mengaplikasi kaedah ekuiti. Jika tarikh penyata kewangan beraudit yang digunakan tidak serentak dengan tarikh penyata kewangan Kumpulan, bahagian keputusan diperoleh daripada penyata kewangan beraudit terakhir yang boleh didapati dan penyata kewangan pengurusan untuk akhir tempoh perakaunan. Dasar perakaunan yang seragam diterima pakai bagi urusan dan peristiwa dalam keadaan yang serupa.

Dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai.

Semasa penjualan pelaburan tersebut, perbezaan antara kutipan penjualan bersih dan jumlah bawanya diambil kira di dalam penyata pendapatan.

2.4 Keputusan Pengunderaitan Insurans Semula Am

Keputusan pengunderaitan insurans semula am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira akaun insurans semula, komisen, rizab premium tidak diperoleh dan tuntutan bersih yang ditanggung.

(i) Pengiktirafan Premium

Premium diiktiraf dalam tempoh kewangan daripada segi risiko yang ditanggung dalam tempoh kewangan tertentu tersebut. Premium insurans semula triti alir masuk dalaman dikenal pasti atas dasar penyata yang diterima daripada penginsurans mengesid.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.4 Keputusan Pengunderaitan Insurans Semula Am (samb.)

(ii) Rizab Premium Belum Diperoleh

Rizab premium belum diperoleh (UPR) mewakili bahagian premium bersih bagi polisi insurans semula yang berkaitan dengan tempoh belum tamat polisi tersebut pada penghujung tempoh kewangan.

Dalam menetapkan UPR pada tarikh lembaran imbangan, kaedah yang mencerminkan liabiliti sebenar secara paling tepat digunakan, ditolak komisyen tidak melebihi tolakan yang dibenarkan, seperti yang ditetapkan oleh BNM. UPR dikira menggunakan kaedah 1/8 dengan pengurangan 20% bagi semua kelas perniagaan.

(iii) Peruntukan Bagi Tuntutan Tertunggak

Liabiliti bagi tuntutan tertunggak diiktiraf seperti yang dinasihatkan oleh syarikat mengesid. Jumlah tuntutan tertunggak adalah anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang diperlukan bersama perbelanjaan yang berkaitan ditolak perolehan semula untuk menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh lembaran imbangan.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan bersama perbelanjaan berkaitan yang ditanggung tetapi tuntutan tidak dilaporkan (IBNR) pada tarikh lembaran imbangan, berdasarkan penilaian aktuari oleh aktuari yang bertauliah, menggunakan kaedah anggaran matematik.

(iv) Kos Pengambilalihan

Kos pengambilalihan dan memperbaharui perniagaan insurans semula daripada pendapatan bersih yang diperoleh melalui premium insurans semula mengesid diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan dengan wajar kepada tempoh yang mungkin boleh menghasilkan pendapatan.

2.5 Dana Takaful Am

Dana takaful am dikekalkan selaras dengan Akta Takaful, 1984 dan terdiri daripada rizab caruman belum diperoleh dan sebarang lebihan/defisit yang timbul pada tahun ini. Defisit underaitan akan dipulihkan oleh dana pemegang saham melalui pinjaman ihsan atau Qard Hasan.

Lebihan diagihkan kepada pemegang saham dan para peserta selaras dengan terma dan syarat yang digariskan oleh Badan Penasihat Syariah anak syarikat takaful. Lebihan pengunderaitan takaful am ditentukan selepas menolak takaful semula, komisen, rizab caruman belum diperoleh, tuntutan bersih yang ditanggung, perbelanjaan, cukai dan lebihan caj-caj pentadbiran yang dipindahkan kepada dana pemegang saham.

Pendapatan takaful am terdiri daripada caruman takaful kasar dan pendapatan pelaburan. Pendapatan diambil kira pada asas terakru seperti yang diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah anak syarikat takaful. Pendapatan dan penerimaan pendahuluan dianggap sebagai liabiliti dalam lembaran imbangan.

(i) Pendapatan Caruman Takaful

Caruman takaful diiktiraf sebaik sahaja amaun caruman boleh diukur pada kadar pasti menurut prinsip Syariah. Caruman takaful diiktiraf daripada segi risiko yang ditanggung dalam tempoh kewangan tertentu tersebut. Caruman takaful semula triti aliran masuk diiktiraf berdasarkan maklumat berkala yang diterima daripada pengendali takaful mengesid.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.5 Dana Takaful Am (samb.)

(ii) Rizab Caruman Belum Diperolehi

Rizab Caruman Belum Diperolehi (UCR) mewakili bahagian pendapatan caruman bersih bagi sijil takaful ditulis yang berkaitan dengan tempoh belum tamat sijil tersebut pada penghujung tempoh kewangan. Dalam menentukan UCR pada tarikh lembaran imbangan, kaedah yang mencerminkan caruman paling tepat belum diperolehi sebenar digunakan seperti berikut:

- Kaedah 1/365 bagi kesemua kelas perniagaan takaful am dalam Malaysia, dikurang oleh peratusan komisen perniagaan langsung kasar yang berkaitan dan perbelanjaan berkaitan agensi yang diambil kira tidak melebihi had yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia seperti berikut:

| | |
|--|-----|
| Motor | 10% |
| Kebakaran, penerbangan dan badan kapal marin | 15% |
| Kargo marin | 15% |
| Lain-lain | 20% |

- Sijil bukan tahunan dibahagikan menurut masa sepanjang tempoh sijil takaful tersebut.

(iii) Peruntukan Bagi Tuntutan Tertunggak

Kos tuntutan dan penyelesaian yang ditanggung sepanjang tahun diiktiraf apabila peristiwa boleh tuntutan berlaku dan/atau anak syarikat takaful dimaklumkan. Jumlah tuntutan tertunggak adalah anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang diperlukan bersama perbelanjaan yang berkaitan ditolak perolehan semula untuk menyelesaikan obligasi pada tarikh lembaran imbangan.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan IBNR pada tarikh lembaran imbangan berdasarkan nisbah tuntutan pasaran bagi setiap kelas perniagaan.

(iv) Komisen Diperoleh

Komisen yang diperoleh ditolak perbelanjaan yang dibayar daripada takaful semula sepanjang pengesidan/penerimaan caruman kepada pengendali takaful semula, diiktiraf kepada akaun pendapatan takaful am, seperti yang ditanggung dan diperuntukkan dengan sewajarnya untuk tempoh di mana ia mungkin akan meningkatkan pendapatan. Ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip Wakalah seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dan sebagaimana dipersetujui antara peserta dan anak syarikat takaful.

2.6 Dana Takaful Keluarga

Dana takaful keluarga disimpan menurut Akta Takaful, 1984 dan termasuk amaun yang diperuntukkan kepada para peserta.

Lebih atau defisit dana takaful keluarga ditentukan oleh penilaian aktuari tahunan dana takaful keluarga tersebut. Apa-apa defisit aktuari akan dicukupkan dengan dana pemegang saham melalui pinjaman ihsan atau Qard Hasan. Lebihan yang boleh diagihkan kepada para peserta ditetapkan selepas menolak faedah dibayar dan perlu dibayar, takaful semula, peruntukan, rizab, komisen, perbelanjaan pengurusan, cukai dan caj lebihan pentadbiran dipindahkan kepada dana pemegang saham. Lebihan boleh diagihkan kepada pemegang saham dan para peserta selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah anak syarikat takaful.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.6 Dana Takaful Keluarga (samb.)

Pendapatan takaful keluarga terdiri daripada caruman takaful kasar dan pendapatan pelaburan. Pendapatan diambil kira berdasarkan akruan seperti yang diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah anak syarikat takaful. Pendapatan yang tidak direalisasi ditangguhkan dan penerimaan pendahuluan dianggap sebagai liabiliti dalam lembaran imbalan.

(i) Pendapatan Caruman Takaful

Caruman takaful diiktiraf sebaik sahaja amaun caruman boleh diukur pada kadar pasti menurut prinsip Syariah. Caruman takaful pertama diiktiraf dengan membuat andaian bahawa risiko dan caruman takaful selanjutnya diiktiraf pada tarikh perlu bayar. Caruman takaful tertunggak pada tarikh lembaran imbalan diiktiraf sebagai pendapatan bagi tempoh tersebut dengan syarat ia masih dalam tempoh yang dibenarkan untuk pembayaran dan terdapat dana yang mencukupi dalam akaun peserta untuk meliputi caruman yang kena dibayar tersebut.

(ii) Peruntukan Bagi Tuntutan Tertunggak

Tuntutan dan kos penyelesaian yang ditanggung dalam tahun kewangan diiktiraf apabila peristiwa boleh tuntutan berlaku dan/atau Syarikat dimaklumkan.

Tuntutan dan peruntukan bagi tuntutan yang timbul pada sijil takaful keluarga, termasuk kos penyelesaian, diambil kira menggunakan kaedah berdasarkan kes, dan untuk tujuan ini, faedah yang perlu dibayar menurut sesuatu sijil takaful adalah seperti berikut:

- (a) kematangan atau pembayaran faedah sijil lain yang genap masanya pada tarikh tertentu dianggap sebagai tuntutan yang perlu dibayar pada tarikh kena dibayar;
- (b) kematian, penyerahan dan faedah lain tanpa tarikh genap masa dianggap sebagai tuntutan yang perlu dibayar atas penerimaan makluman mengenai kematian pemegang sijil atau apabila berlaku di luar jangkaan yang dilindungi.

2.7 Perbelanjaan komisen anak syarikat takaful

Perbelanjaan komisen yang merupakan kos yang ditanggung secara langsung dalam mendapatkan caruman bagi sijil-sijil takaful, diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan dengan sewajarnya untuk tempoh di mana ia mungkin akan meningkatkan pendapatan. Perbelanjaan komisen ditanggung oleh dana pemegang saham dalam penyata pendapatan dana pemegang saham pada peratusan yang dipersetujui bagi setiap sijil yang diunderait. Ini adalah selaras dengan prinsip-prinsip Wakalah sebagaimana diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah dan dipersetujui antara peserta dan anak syarikat takaful.

2.8 Dana Takaful Semula Am

Dana takaful semula am dikekalkan selaras dengan Akta Takaful, 1984 dan terdiri daripada rizab caruman belum diperolehi dan sebarang lebihan/defisit yang timbul pada tahun ini. Defisit underait akan dipulihkan oleh dana pemegang saham melalui satu pinjaman ihsan atau Qard Hasan.

Lebihan underait takaful semula am ditentukan selepas menolak kos takaful semula, komisen, rizab caruman belum diperolehi, tuntutan bersih yang ditanggung, yuran, perbelanjaan dan cukai wakalah. Lebihan yang boleh diagihkan kepada para peserta ditentukan selaras dengan terma dan syarat setiap kontrak ditolak pemuliharaan Qard Hasan, jika ada.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.8 Dana Takaful Semula Am (samb.)

Pendapatan takaful semula am terdiri daripada pendapatan caruman dan pelaburan takaful semula kasar. Pendapatan yang tidak direalisasi ditangguhkan dan penerimaan pendahuluan dianggap sebagai liabiliti dalam lembaran imbalan.

(i) Pengiktirafan Caruman Takaful Semula

Caruman diiktiraf berhubung risiko yang diambil pada tempoh kewangan di mana risiko tersebut diambil. Caruman takaful semula perjanjian dalaman diiktiraf pada asas penyata yang diterima daripada syarikat-syarikat pengesidan.

(ii) Rizab Caruman Belum Diperoleh

Rizab Caruman Belum Diperoleh (UCR) mewakili bahagian caruman bersih perniagaan takaful semula yang diunderait dan berkaitan dengan tempoh luput polisi-polisi tersebut pada akhir tempoh kewangan.

Dalam menentukan tarikh lembaran imbalan UCR, kaedah paling tepat untuk menggambarkan liabiliti sebenar telah digunakan, ditolak komisen tidak melebihi pengurangan yang dibenarkan. UCR dikira menggunakan kaedah 1/8 dengan satu pengurangan sebanyak 20% bagi semua kelas perniagaan.

(iii) Peruntukan Bagi Tuntutan Tertunggak

Liabiliti bagi tuntutan tertunggak diiktiraf dan diuruskan oleh syarikat pengesidan. Jumlah tuntutan tertunggak adalah anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang diperlukan bersama-sama dengan perbelanjaan berkaitan tolak pemulihan untuk melangsaikan obligasi pada tarikh lembaran imbalan.

Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan dan bersama-sama dengan perbelanjaan berkaitan yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan (IBNR) pada tarikh lembaran imbalan berdasarkan anggaran oleh ahli aktuari bertauliah.

(iv) Perbelanjaan Komisen

Perbelanjaan komisen yang merupakan kos yang ditanggung secara langsung dalam mendapatkan caruman bagi perniagaan takaful semula, diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan dengan sewajarnya untuk tempoh di mana ia mungkin meningkatkan pendapatan.

Perbelanjaan komisen ditanggung oleh dana takaful semula am dalam akaun pendapatan takaful semula pada peratusan caruman kasar yang dipersetujui.

2.9 Dana Takaful Semula Keluarga

Dana takaful semula keluarga dikekalkan selaras dengan keperluan Akta Takaful, 1984 dan meliputi jumlah milik syarikat pengesidan.

Lebihan/defisit dana takaful semula keluarga ditentukan oleh satu nilai aktuari tahunan bagi dana takaful semula keluarga. Sebarang defisit aktuari dalam dana takaful semula keluarga akan dipulihkan oleh dana pemegang saham melalui satu pinjaman ihsan atau Qard Hasan. Lebihan yang boleh diagihkan kepada syarikat pengesidan ditentukan selepas menolak manfaat yang dibayar dan perlu dibayar, takaful semula, rizab, komisen, yuran wakalah, perbelanjaan pengurusan, cukai dan sebarang lebihan caj-caj pentadbiran yang dipindahkan kepada dana pemegang saham. Lebihan tersebut boleh diagihkan kepada pemegang saham dan syarikat pengesidan selaras dengan terma dan syarat setiap kontrak.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.9 Dana Takaful Semula Keluarga (samb.)

Pendapatan takaful semula keluarga terdiri daripada caruman dan pelaburan pendapatan takaful semula kasar. Pendapatan diambil kira pada asas akruan. Pendapatan yang tidak direalisasi ditangguh dan penerimaan pendahuluan dianggap sebagai liabiliti dalam lembaran imbalan.

(i) Pendapatan Caruman Takaful Semula

Caruman diiktiraf berhubung risiko yang diambil pada tempoh kewangan di mana risiko tersebut diambil. Caruman takaful semula perjanjian dalaman diiktiraf pada asas penyata yang diterima daripada syarikat-syarikat pengesidan.

(ii) Manfaat Perlu Dibayar

Liabiliti bagi manfaat yang perlu dibayar diiktiraf seperti yang dinasihatkan oleh syarikat pengesid. Jumlah manfaat yang perlu dibayar adalah anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang diperlukan bersama-sama dengan perbelanjaan berkaitan tolak pemuliharaan untuk menjelaskan obligasi pada tarikh lembaran imbalan.

(iii) Perbelanjaan Komisen

Perbelanjaan komisen yang merupakan kos yang ditanggung secara langsung dalam mendapatkan caruman bagi perniagaan takaful semula, diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan dengan sewajarnya untuk tempoh di mana ia mungkin meningkatkan pendapatan.

Perbelanjaan komisen ditanggung oleh dana takaful semula keluarga dalam akaun pendapatan takaful semula keluarga pada peratus sumbangan kasar yang dipersetujui.

2.10 Aset Tidak Ketara

Hayat berguna aset tidak ketara dinilai sama ada terbatas atau tidak terbatas. Aset tidak ketara yang mempunyai hayat terbatas dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang hayat berguna ekonomi yang dianggarkan dan dinilai untuk ketidaksempurnaan apabila terdapat penunjuk bahawa aset tidak ketara tersebut mungkin tidak sempurna. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan hayat berguna terbatas dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh lembaran imbalan.

Pelunasan dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan insurans semula am.

Aset tidak ketara dengan usia guna tidak terbatas tidak dilunaskan tetapi diuji untuk ketidaksempurnaan setiap tahun atau lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai buku mungkin tidak sempurna sama ada secara individu atau pada peringkat penjanaan tunai. Usia guna aset tidak ketara dengan hayat tidak terbatas akan dikaji semula setiap tahun untuk menentukan sama ada penilaian usia guna terus boleh diguna pakai.

Pembangunan Perisian yang sedang dijalankan

Pembangunan perisian yang sedang berjalan diuji untuk ketidaksempurnaan setiap tahun dan mewakili perbelanjaan pembangunan perisian. Berikutan pengiktirafan permulaan perbelanjaan pembangunan, model kos yang digunakan memerlukan aset dicatatkan pada kos ditolak apa-apa ketidaksempurnaan kerugian terkumpul. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan sempurna dan aset sedia ada untuk penggunaan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh penggunaan masa depan yang dijangka. Dalam tempoh aset tersebut belum lagi digunakan, ia diuji untuk ketidaksempurnaan setiap tahun.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.10 Aset Tidak Ketara (samb.)

Perisian Komputer dan Lesen

Hayat berguna perisian komputer dan lesen dianggap terbatas kerana perisian komputer dan lesen terdedah kepada keusangan teknologi.

Perisian komputer dan lesen yang diperoleh dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang usia guna yang dianggarkan tidak melebihi 6 tahun. Rosot nilai akan dinilai bila sahaja terdapat penunjuk rosot nilai wujud dan tempoh dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh lembaran imbang.

2.11 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

(i) Pengiktirafan dan ukuran

Kesemua butiran hartanah, loji dan peralatan pada mulanya dicatatkan pada kos. Selanjutnya, hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan selaras.

Hanya aset yang kosnya melebihi RM300 akan dipermodalkan. Aset yang kosnya RM300 dan lebih rendah dicajkan kepada penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan insurans semula am dalam tahun ia dibeli.

Aset yang kosnya melebihi RM300 sehingga maksimum RM3,000 dikurangkan nilai ke RM1.00 pada tahun ia dibeli. Pengurangan nilai dicajkan kepada penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan insurans semula am sebagai susut nilai.

Apabila hartanah, loji dan peralatan dijual, perbezaan antara perolehan jualan bersih dan amaun buku diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan insurans semula am dan bahagian yang tidak digunakan bagi lebihan penilaian semula atas butiran tersebut dibawa terus ke keuntungan tertahan.

(ii) Kos selanjutnya

Kos menggantikan bahagian sesuatu butiran hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam amaun buku bagi butiran tersebut sekiranya ada kemungkinan yang faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam bahagian tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kosnya boleh diukur secara pasti. Kos penyelenggaraan harian bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan insurans semula am seperti yang dikenakan.

(iii) Susut nilai

Tanah pegangan bebas mempunyai hayat berguna tanpa had dan dengan itu tidak disusut nilai. Hartanah yang dipajak akan disusut nilai sepanjang tempoh pajakan atau hayat bergunanya, mengikut mana yang lebih pendek.

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan disediakan atas dasar kaedah garis lurus untuk melupuskan kos setiap aset kepada nilai residualnya sepanjang hayat bergunanya pada kadar tahunan berikut:

| | |
|------------------------------------|-------------------------------|
| Bangunan | 2% |
| Peralatan komputer | 20% hingga 33 $\frac{1}{3}$ % |
| Peralatan pejabat | 5% hingga 15% |
| Perabot dan kelengkapan | 31 $\frac{1}{3}$ % hingga 15% |
| Kenderaan motor | 20% |
| Bahagian-bahagian penting bangunan | 5% hingga 20% |

Nilai residual, hayat berguna, dan kaedah susut nilai dikaji semula setiap hujung tahun kewangan demi memastikan yang jumlah, kaedah dan tempoh susut nilai konsisten dengan anggaran terdahulu dan pola penggunaan yang dijangkakan bagi faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam item hartanah, loji dan peralatan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.12 Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dimiliki atau dipegang sama ada di bawah kepentingan pajakan untuk memperoleh pendapatan sewa atau untuk penambahan nilai atau kedua-duanya. Hartanah seperti ini pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos transaksi. Selepas pengiktirafan permulaan, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama.

Nilai saksama diputuskan melalui rujukan kepada bukti harga transaksi pasaran bagi hartanah yang serupa dan dilaksanakan oleh penaksir bebas yang berdaftar serta memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf dan pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori hartanah yang dinilai.

Keuntungan dan kerugian yang timbul hasil perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan insurans semula am pada tahun ia timbul.

Hartanah pelaburan diterbalikkan pengiktirafannya apabila sama ada ia dijual atau apabila hartanah pelaburan ini ditarik balik penggunaannya secara kekal dan tiada faedah ekonomi masa depan dijangka daripada penjualannya. Apa-apa keuntungan atau kerugian atas penamatan penggunaan atau penjualan sesuatu hartanah pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan insurans semula am sebagai keuntungan atau kerugian bagi tahun ia berlaku.

2.13 Kerosotan Aset

Nilai buku aset dikaji semula setiap tarikh lembaran imbangan untuk menentukan sama ada terdapat penunjuk rosot nilai. Sekiranya apa-apa penunjuk wujud, jumlah aset yang boleh didapatkan semula dianggarkan untuk menentukan jumlah rosot nilai kerugian. Untuk tujuan ujian rosot nilai bagi aset ini, jumlah boleh didapatkan semula ditentukan mengikut aset individu kecuali aset tersebut tidak menjana aliran tunai yang secara ketara bebas daripada aset lain. Jika ini berlaku, jumlah yang boleh didapatkan semula ditentukan bagi unit yang menjana tunai (CGU) di mana aset itu tergolong dalamnya.

Jumlah aset yang boleh didapatkan semula lebih tinggi bagi nilai saksama atau CGU ditolak kos untuk menjual dan nilainya jika digunakan. Dalam menaksir nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan ke nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran bagi nilai mata wang dan risiko khusus bagi aset tersebut. Di mana nilai buku sesuatu aset melebihi jumlah boleh didapatkan semula aset tersebut dianggap rosot nilai dan diturunkan nilai kepada jumlah yang boleh didapatkan semula.

Kerugian rosot nilai kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan insurans semula am dalam tempoh yang ia terjadi, kecuali aset dicatatkan pada jumlah yang dinilai semula. Dalam kes ini rosot nilai kerugian diambil kira sebagai penilaian semula menurut setakat yang kerugian rosot nilai tidak melebihi jumlah yang dicatatkan dalam rizab penilaian semula aset untuk aset yang sama.

Kerugian rosot nilai diterbalikkan sekiranya, dan hanya sekiranya, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh didapatkan kembali aset sejak kali terakhir kerugian rosot nilai. Nilai buku ditambah kepada jumlah boleh didapatkan kembali yang baru, dengan syarat jumlah ini tidak melebihi jumlah buku yang akan ditentukan (bersih daripada pelunasan atau susut nilai) sekiranya tiada kerugian rosot nilai bagi aset pada tahun-tahun sebelumnya. Pembalikan kerugian rosot nilai dalam penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan insurans semula am, melainkan aset dicatatkan pada jumlah yang dinilai semula. Sekiranya ini berlaku, penerbalikan seperti ini dianggap sebagai penilaian semula menaik.

2.14 Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbangan apabila Kumpulan telah menjadi satu pihak dalam peruntukan kontraktual bagi instrumen ini. Dasar perakaunan mengenai pengiktirafan dan ukuran item-item ini dizahirkan dalam dasar perakaunan masing-masing.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.14 Instrumen Kewangan (samb.)

Instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut kandungan hakiki pengaturan kontraktual tersebut. Faedah, dividen, keuntungan, dan kerugian berkaitan dengan instrumen dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai ekuiti dicaj secara langsung kepada ekuiti. Instrumen kewangan ditolak apabila Kumpulan dan Syarikat telah menguatkuasakan hak dari segi undang-undang untuk menolak dan berhasrat untuk menyelesaikan sama ada berasaskan nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti pada masa yang sama.

(i) Instrumen Ekuiti

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti dan dinyatakan pada nilai nominal. Dividen atas saham biasa diiktiraf melalui ekuiti dalam tempoh yang ia diisytiharkan. Kos transaksi bagi apa-apa transaksi ekuiti diambil kira sebagai penolakan daripada ekuiti, bersih daripada cukai.

Kos transaksi ekuiti terdiri daripada hanya kos luaran tambahan yang diperuntukkan secara langsung kepada transaksi ekuiti yang sebaliknya boleh dielakkan.

(ii) Tunai dan Persamaan Tunai

Tunai dan persamaan tunai termasuk tunai dalam tangan dan di bank, tidak termasuk deposit tetap dan deposit panggilan dengan institusi kewangan berlesen. Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

(iii) Pelaburan

Pelaburan yang disenarai dan kertas komersial jangka pendek dinyatakan pada kos lebih rendah dan nilai pasaran yang ditentukan berdasarkan portfolio agregat melalui kategori pelaburan, kecuali sekiranya penghausan nilai sesuatu pelaburan tidak dianggap sebagai sementara, peruntukan dibuat terhadap nilai pelaburan tersebut.

Bon dijamin kerajaan dan sekuriti korporat tidak tersenarai yang bercagar atau dengan pengadaran minimum "BBB" atau "P3" dinilai pada kos diselaras bagi pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira berdasarkan hasil tetap dari tarikh pembelian ke tarikh kematangan. Apa-apa sekuriti hutang korporat lain dengan pengadaran yang lebih rendah dinilai pada kos dan nilai pasaran menurut mana yang lebih rendah.

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pelaburan-pelaburan yang diluluskan lain sebagaimana yang digariskan oleh BNM, dinyatakan pada kos yang dilaras untuk pelunasan pelaburan sebagai tambahan diskaun, dikira pada asas garisan lurus, dari tarikh pembelian hingga tarikh matang. Pelunasan premium dan penambahan diskaun bon jaminan kerajaan, sekuriti hutang korporat tidak disebut harga yang bersesuaian, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pelaburan-pelaburan yang diluluskan lain sebagaimana digariskan oleh BNM diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan insurans semula am.

Keahlian kelab golf dinyatakan pada kos ditolak peruntukan untuk apa-apa rosot nilai. Peruntukan seperti ini dibuat apabila terdapat penurunan selain daripada yang sementara dalam nilai keahlian kelab golf dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh penurunan itu berlaku. Apabila keahlian kelab golf ini dijual, perbezaan antara perolehan jualan bersih dan jumlah buku, diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan insurans semula am.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.14 Instrumen Kewangan (samb.)

(iii) Pelaburan (samb.)

Pelaburan tidak tersenarai dan lain-lain dinyatakan pada kos tolak peruntukan untuk sebarang kerugian rosot nilai.

Apabila pelaburan ini dijual, perbezaan antara perolehan jualan bersih dan jumlah buku diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan.

Pelaburan dana berkaitan pelaburan ini dinyatakan pada harga tutup pasaran pada tarikh lembaran imbangan. Keuntungan dan kerugian yang tidak direalisasi atas pelaburan ini dimasukkan ke dalam penyata pendapatan dana berkaitan pelaburan tersebut.

(iv) Amaun Belum Diterima

Amaun belum diterima dibawa pada nilai jangkaan yang boleh direalisasi jangkaan. Hutang lapuk yang diketahui akan dihapus kira. Peruntukan khusus dibuat bagi premium termasuk baki broker, insurans semula, ejen dan takaful semula yang kekal tertunggak selama lebih dari enam bulan dari tarikh ia menjadi belum diterima dan bagi kesemua hutang yang dianggap ragu.

Bagi anak syarikat takaful, peruntukan khusus dibuat untuk sebarang caruman termasuk ejen dan baki takaful semula yang kekal tertunggak selama lebih tiga puluh hari bagi perniagaan kenderaan bermotor dan enam bulan bagi semua kelas perniagaan, dari tarikh di mana ia menjadi terimaan dan bagi semua hutang yang dianggap meragukan.

(v) Baki dengan Anak-Anak Syarikat

Baki dengan anak-anak syarikat dinyatakan pada amaun yang genap masanya dan dijangka akan diselesaikan.

(vi) Jumlah Perlu Dibayar

Jumlah perlu dibayar dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama balasan perlu dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diberi.

(vii) Nota Berjangka Sederhana Islam (IMTN)

IMTN diiktiraf pada jumlah kutipan yang diterima, ditolak kos urusniaga berkaitan secara langsung. IMTN dikelaskan sebagai liabiliti bukan semasa dalam lembaran imbangan dan keuntungan perlu dibayar diiktiraf sebagai kos pembiayaan dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

2.15 Pajak

(i) Klasifikasi

Pajak diiktiraf sebagai pajak pembiayaan jika ia memindahkan semua risiko dan ganjaran hasil daripada pemilikan yang ketara kepada Kumpulan. Pajak tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajak operasi atau pembiayaan dalam cara yang sama dengan pajak aset dan unsur-unsur tanah serta bangunan lain bagi pajak tanah dan bangunan dipertimbangkan secara berasingan untuk tujuan klasifikasi pajak. Semua pajak yang tidak memindahkan dengan ketara semua risiko dan ganjaran dikelaskan sebagai pajak operasi, dengan pengecualian berikut:

- Hartanah dipegang di bawah pajak operasi yang sebaliknya memenuhi takrifan hartanah pelaburan dikelaskan sebagai hartanah pelaburan pada asas hartanah dengan hartanah dan, jika dikelaskan sebagai hartanah pelaburan, diambil kira seperti jika ia dipegang di bawah pajak pembiayaan (Nota 2.12); dan
- Tanah dipegang untuk kegunaan sendiri di bawah pajak operasi yang mana nilai saksamanya tidak boleh diukur secara berasingan daripada nilai saksama bagi sebuah bangunan yang terletak di atasnya pada permulaan pajak, diambil kira sebagai dipegang di bawah pajak pembiayaan, melainkan jika bangunan tersebut turut dipegang dengan jelas di bawah pajak operasi.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.15 Pajak (samb.)

(ii) Pajak Kewangan – Kumpulan sebagai pengambil pajak

Aset yang diperoleh melalui sewa beli atau pajak pembiayaan dinyatakan pada satu jumlah bersamaan dengan nilai saksamanya yang lebih rendah dan nilai semasa bagi pembayaran pajak minimum pada permulaan pajak, ditolak susut nilai dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul. Liabiliti yang berkaitan dimasukkan ke dalam lembaran imbalan sebagai pinjaman. Dalam mengira nilai semasa bagi pembayaran pajak minimum, faktor diskaun yang digunakan adalah kadar faedah yang terkandung dalam pajak tersebut, apabila nilainya boleh ditentukan; jika tidak, kadar pinjaman Syarikat yang bertambah digunakan. Sebarang kos langsung awal turut ditambah kepada jumlah bawa aset tersebut.

Pembayaran pajak dibahagikan antara kos pembiayaan dan pengurangan liabiliti tertunggak. Kos pembiayaan yang mewakili perbezaan antara jumlah komitmen pajak dan nilai saksama aset-aset yang diperoleh, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajak yang berkaitan dengan tujuan untuk mewujudkan satu kadar caj berkala yang seragam bagi baki obligasi untuk setiap tempoh perakaunan.

Dasar susut nilai bagi aset-aset dipajak adalah selaras dengan dasar susut nilai hartanah, loji dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.11(iii).

(iii) Pajak Operasi – Kumpulan sebagai pengambil pajak

Pembayaran pajak operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajak yang berkaitan. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewaan sepanjang tempoh pajak pada asas garis lurus.

Bagi pajak tanah dan bangunan, pembayaran pajak minimum atau pembayaran pendahuluan yang dibuat diperuntukkan, jika perlu, antara unsur-unsur tanah dan bangunan dalam bahagian yang relatif dengan nilai saksama bagi faedah pegangan pajak bagi unsur tanah dan unsur bangunan pajak tersebut semasa permulaan pajak. Pembayaran pendahuluan mewakili pembayaran pajak prabayar dan dilunaskan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajak.

(iv) Pajak Operasi – Kumpulan sebagai pemajak

Aset yang dipajak di bawah pajak operasi dibentangkan di dalam lembaran imbalan mengikut bentuk-bentuk aset. Pendapatan sewaan daripada pajak operasi diiktiraf pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajak yang berkaitan (Nota 2.20(iv)). Kos secara langsung awal yang ditanggung dalam proses rundingan dan pengaturan pajak operasi ditambah kepada jumlah bawa aset yang dipajak tersebut dan diiktiraf pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajak.

2.16 Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan tertanggung. Cukai semasa adalah jumlah yang dijangka bagi cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi tahun semasa dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh lembaran imbalan.

Cukai tertanggung diperuntukkan, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara antara asas cukai aset dan liabiliti dan jumlah buku dalam penyata kewangan, pada tarikh lembaran imbalan. Dari segi prinsip, liabiliti cukai tertanggung diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai, manakala aset cukai tertanggung diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai yang tidak digunakan dan kredit cukai yang tidak digunakan setakat yang keuntungan boleh dicukai mungkin akan wujud, di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai tidak digunakan boleh ditolak daripadanya. Cukai tertanggung tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah negatif atau daripada pengiktirafan permulaan sesuatu aset atau liabiliti dalam sesuatu transaksi yang bukan gabungan perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan atau pun keuntungan boleh dicukai.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.16 Cukai Pendapatan (samb.)

Cukai tertanggung diukur pada kadar cukai yang dijangka akan berkuat kuasa dalam tempoh apabila aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau secara hakiki digubal pada tarikh Lembaran Imbangan. Cukai tertanggung diiktiraf dalam Penyata Pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada transaksi yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Dalam hal ini cukai tertanggung ini juga dicaj atau dikredit secara langsung ke dalam ekuiti.

2.17 Peruntukan Liabiliti

Peruntukan liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa hasil peristiwa lalu dan mungkin aliran keluar sumber yang mengandungi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran yang pasti bagi jumlah ini boleh dibuat. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbangan dan diselaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

2.18 Faedah Kakitangan

(i) Faedah Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang perkhidmatan berkaitan diberikan kepada para pekerja Kumpulan. Ketidakhadiran yang diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahun berbayar, diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh pekerja yang meningkatkan kelayakan untuk baki yang diberi pampasan pada masa depan. Ketidakhadiran yang diberi pampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran tersebut berlaku.

(ii) Rancangan Caruman Ditakrif

Seperti yang diperlukan oleh undang-undang, Kumpulan membuat sumbangan kepada skim persaraan nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Kumpulan juga membuat caruman tambahan kepada KWSP bagi pekerja yang layak merujuk pada tempoh perkhidmatan dan perolehan mereka. Caruman seperti ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil insurans semula sebagai ditanggung.

(iii) Manfaat Penamatan Perkhidmatan Kakitangan

Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang di United Arab Emirates, Kumpulan membuat peruntukan bagi manfaat penamatan perkhidmatan bagi kakitangan anak syarikatnya di Dubai, berdasarkan kepada gaji kakitangan dan bilangan tahun mereka berkhidmat. Manfaat penamatan perkhidmatan ini dibayar kepada kakitangan apabila tempoh perkhidmatan mereka diberhentikan atau tamat.

2.19 Mata Wang Asing

(i) Fungsi dan Pembentangan Mata Wang

Setiap penyata kewangan bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang di persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi (mata wang fungsi). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang juga merupakan mata wang fungsi Syarikat.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.19 Mata Wang Asing (samb.)

(ii) Urusniaga Mata Wang Asing

Dalam menyediakan penyata kewangan setiap entiti, urusniaga dalam mata wang selain daripada mata wang fungsi entiti (mata wang asing) direkodkan dalam mata wang fungsi menggunakan kadar tukaran asing semasa pada tarikh urusniaga tersebut. Pada setiap tarikh lembaran imbangan, perkara-perkara kewangan yang dinominasi dalam mata wang asing akan ditukarkan pada kadar tukaran semasa pada tarikh lembaran imbangan. Perkara-perkara bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dalam dinominasi mata wang asing ditukarkan pada kadar tukaran semasa pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan. Perkara-perkara bukan kewangan diukur dari segi kos sejarah dalam mata wang asing dan tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran yang timbul daripada penyelesaian perkara kewangan, dan daripada pertukaran perkara kewangan, disertakan dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh ini melainkan bagi perbezaan pertukaran yang timbul daripada perkara kewangan yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada perkara kewangan yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing, di mana perkara kewangan tersebut dinominasi sama ada dalam mata wang fungsi bagi entiti yang melapor atau operasi asing tersebut, pada peringkat awal telah diambil secara langsung kepada rizab pertukaran mata wang asing dalam ekuiti sehingga pelupusan operasi asing berkenaan, di mana pada masa itu ia diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada perkara kewangan yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi asing, di mana perkara kewangan tersebut adalah dinominasi dalam mata wang selain daripada mata wang fungsi sama ada bagi entiti yang melapor atau operasi asing, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh ini. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada perkara kewangan yang membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Syarikat dalam operasi asing, tanpa mengira bentuk matawang perkara kewangan tersebut, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam penyata kewangan Syarikat atau penyata kewangan individu bagi operasi asing, menurut kesesuaian.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran perkara bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama disertakan di dalam penyata pendapatan bagi tempoh melainkan perbezaan yang timbul daripada pertukaran perkara bukan kewangan di mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada perkara bukan kewangan sedemikian turut diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

(iii) Operasi Asing

Kedudukan keputusan dan kewangan operasi asing yang mempunyai mata wang fungsi yang berlainan daripada mata wang pembentangan (RM) bagi penyata kewangan disatukan, ditukar kepada RM seperti berikut:

- Aset dan liabiliti bagi setiap lembaran imbangan yang dibentangkan telah ditukarkan pada kadar pertukaran penutupan pada tarikh lembaran imbangan;
- Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan ditukarkan pada kadar pertukaran purata bagi tahun ini, yang hampir dengan kadar pertukaran pada tarikh urusniaga; dan
- Semua perbezaan pertukaran yang terhasil dibawa kepada rizab pertukaran mata wang asing dalam ekuiti.
- Keputusan sebuah syarikat bersekutu, Labuan Reinsurance (L) Ltd. ditukarkan pada kadar pertukaran penutupan pada tarikh lembaran imbangan berhubung jumlah bawa pelaburan dalam syarikat bersekutu tersebut, dan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga tersebut berhubung bahagian keuntungan atau kerugian. Semua perbezaan pertukaran yang terhasil dimasukkan dalam rizab pertukaran mata wang asing dalam ekuiti pemegang saham.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

2.20 Pengiktirafan Hasil Lain

- (i) Pendapatan faedah/keuntungan atas pinjaman diiktiraf berdasarkan akruan kecuali di mana sesuatu pinjaman dianggap tidak berfungsi, iaitu di mana pembayaran balik tertunggak untuk lebih daripada enam bulan. Dalam keadaan ini pengiktirafan faedah/keuntungan seperti ini digantung. Selepas penggantungan, faedah/keuntungan diiktiraf berdasarkan penerimaan sehingga tunggakan itu dibayar.
- (ii) Pendapatan faedah/keuntungan atas sekuriti hutang korporat diiktiraf berdasarkan bahagian masa yang menggambarkan hasil berkesan apabila peristiwa mungkin atas bayaran faedah/keuntungan telah berlaku, dan faedah/keuntungan tersebut kekal tertunggak untuk tempoh melebihi enam bulan. Dalam hal ini, pengiktirafan faedah/keuntungan akan digantung. Selepas penggantungan, faedah/keuntungan diiktiraf berdasarkan penerimaan sehingga tunggakan itu dibayar.
- (iii) Pendapatan faedah/keuntungan lain dan pendapatan pelaburan atas pelaburan Islam diiktiraf menurut dasar bahagian masa yang mencerminkan hasil berkesan atas aset tersebut.
